

Kolej Kediaman Mawaddah dibina untuk mahasiswa asnaf

Wakaf untuk pembinaan asrama UMP

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**

shofi.isa@utusan.com.my

■ **AKTIVAN 5 JULAI**

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) mempertuaskn konsep wakaf di negeri ini dengan memperkenalkan wakaf dalam talian bagi mengumpul dana untuk pembinaan sebuah bangunan asrama Kolej Kediaman Mawaddah di universiti berkenaan.

Bangunan asrama yang dinamakan Kolej Kediaman Mawaddah itu diwujudkan untuk memberi perkhidmatan perlinungan kepada mahasiswa dalam kalangan anak yatim dan asnaf yang didirikan di atas tanah seluas kira-kira 0.8 hektar di UMP Pekan dekat sini dengan kos pembinaan RM5 juta.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Muip bersetuju memasukkan projek pembinaan kolej kediaman berkenaan ke dalam Sistem Dana Wakaf Pahang dan segala kutipan wakaf tunai yang diterima akan disalurkan sepenuhnya untuk pembangunan projek wakaf itu.

"Pihak UMP juga dibenarkan untuk membuat kutipan dana wakaf tunai daripada orang ramai untuk projek pembinaan ini. Kolej kediaman yang dijadualkan pembinaannya pada tahun ini dijangka siap pada 2018 dan akan memberi manfaat kepada 220 orang mahasiswa daripada golongan anak yatim dan asnaf," katanya.

Beliau berkata, wakaf tunai memberi peluang kepada masyarakat menderma mewakili diri sendiri, ahli keluarga, saudara mara atau individu yang telah meninggal dunia sebagai pelaburan sepanjang hayat demi kesejahteraan ummah.

"Terdapat pelbagai cara melaksanakannya, antaranya penyumbang boleh mengkreditkan terus sumbangan ke akaun Bank Islam: 0607 3010 0246 79 atau Maybank: 5562 3530 9907 atas nama Bendahari UMP atau melalui pautan Portal Dana Wakaf Pahang wakaf.muip.gov.my ataupun melalui Perbankan Internet di laman sesawang mygift.ump.edu.my," jelasnya.

Dalam pada itu, Daing Nasir turut berkongsi tentang perkembangan program MyGift UMP iaitu sebagai saluran sumbangan endowment universiti bagi tujuan tajaan pendidikan, penyediaan kemudahan prasa-

UNIVERSITI Malaysia Pahang bakal mendirikan Kolej Kediaman Mawaddah untuk menempatkan anak-anak yatim dan asnaf. - FOTO IHSAN UMP



rana kepada penuntut mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan.

Jelasnya, sebanyak sepuluh jenis endowment atau tabung yang dilaksanakan iaitu Endowment Kursi, Endowment Biasiswa Pelajar, Endowment Makmal/Kemudahan dan Endowment Kecemerlangan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Prasrana.

Katanya, baru-baru ini, Lembaga Pemegang Amanah MyGift meluluskan Endowment Biasiswa Pelajar sebanyak RM560,000 untuk mahasiswa baharu yang mempunyai latar belakang keluarga miskin dan mereka yang memiliki keputusan cemerlang untuk mengikuti pengajian di UMP bagi sesi akademik akan datang.

"Melalui inisiatif MyGift juga, satu skim bantuan insentif pengajian bernilai RM1,000 seorang

mahasiswa juga akan terus dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan pada sesi pendaftaran akan datang.

"Bantuan akan disaring di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan alumni bagi membantu mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan dengan menyediakan keperluan berkaitan seawaktu memulakan pengajian di sini," katanya.

Jelasnya, program MyGift diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowment sebagai menyokong budaya menderma demi memajukan ilmu pendidikan di universiti.



DAING NASIR IBRAHIM



KONSEP wakaf diperluaskan untuk mengumpul dana bagi pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah.